



Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mahamad (kanan), riang sebelum berlepas untuk lawatan rasmi seminggu ke Jepun, di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang, semalam.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam (dua dari kiri) sempat berjenaka dan mengucapkan selamat jalan kepada Datuk Seri Dr Mahathir dan rombongannya.

DR MAHATHIR TIBA DI TOKYO

Dari BAKAR ISMAIL

TOKYO, Ahad — Jepun salah sebuah negara yang menjadi sasaran dasar Fandang ke Timur, petang ini mengalu-alukan ketibaan pemimpin Malaysia, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Lapangan Terbang Haneda, Tokyo.

Upacara sambutannya ringkas sahaja kerana upacara rasmi akan diadakan di Istana Akasaka, esok pagi.

Pejabat khas yang membawa Perdana Menteri dan rombongannya tiba tepat jam 4.45 petang.

Setelah upacara ringkas selama kira-kira lima minit, Perdana Menteri dan rombongannya dibawa ke Istana Akasaka di mana satu lagi upacara menyambut ketibaannya diadakan.

Ketibaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Puteri Seri Dr Siti Hasmah di Istana Akasaka, di mana pernah menjadi penginapan keluarga Diraja Jepun, disambut oleh Penyelia Istana, Enoki Kenjiro Chikraishi.

Sementara itu, masyarakat Jepun hari ini menerima maklumat terperinci mengenai Malaysia sempena lawatan rasmi tujuh hari Datuk Seri Dr Mahathir.

Akhbar bahasa Inggeris *JAPAN TIMES*, hari ini memberi liputan khas mengenai Perdana Menteri, hasil satu pertemuan beliau dengan wartawan Jepun di Kuala Lumpur, Jumaat lalu.

Saluran Nasional Televisyen Jepun, *NHK*, malam tadi menyiarkan satu rencana khas mengenai Malaysia.